



MALAY *AB INITIO* – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS *AB INITIO* – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO *AB INITIO* – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Monday 15 May 2006 (morning)

Lundi 15 mai 2006 (matin)

Lunes 15 de mayo de 2006 (mañana)

1 h 30 m

TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for Paper 1.
- Answer the questions in the Question and Answer Booklet provided.

LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la Prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

TEKS A

BORANG LANGGANAN MAJALAH TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA			Diskaun 10%		
(✓)	MAJALAH	HARGA SENASKAH	LANGGANAN MAJALAH SETAHUN DISKAUN 10%		
			SEM. MALAYSIA	SABAH/SARAWAK	BRUNEI/SINGAPURA
5	<input checked="" type="checkbox"/> DEWAN BAHASA	RM5.00	RM54.00	RM60.00	B\$/S\$ 54.00
	<input type="checkbox"/> DEWAN SASTERA	RM4.50	RM48.60	RM54.60	B\$/S\$ 48.60
	<input checked="" type="checkbox"/> DEWAN BUDAYA	RM5.00	RM54.00	RM60.00	B\$/S\$ 54.00
	<input type="checkbox"/> PELITA BAHASA	RM3.00	RM32.40	RM38.40	B\$/S\$ 32.40
	<input type="checkbox"/> TUNAS CIPTA	RM3.00	RM32.40	RM38.40	B\$/S\$ 32.40
10	JUMLAH KESELURUHAN				
	Tandakan () untuk majalah yang dipilih.				
BUTIR-BUTIR PERIBADI:					
NAMA: SARIMAH BINTI MOHAMAD					
NO. KAD PENGENALAN: 690505085750					
15 ALAMAT SURAT- MENYURAT: No: 14, Jalan Bunga Raya 2, Taman Bunga Raya, Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.					
POSKOD: 33000 BANDAR: Kuala Kangsar					
TEL: (PEJABAT) 05-7760493 (RUMAH) 05-7480493					
E-MEL: sarimah@yahoo.com PEKERJAAN: Guru					
20 TARIKH: 10 Oktober 2005					
TEMPOH LANGGANAN MAJALAH Dewan Bahasa dan Dewan Budaya SELAMA SETAHUN MULAI Januari 2006 HINGGA Disember 2006					
JENIS LANGGANAN: <input type="checkbox"/> BAHARU <input checked="" type="checkbox"/> MEMPERBAHARUI TARIKH TAMAT: Disember 2005					
25 DISERTAKAN WANG POS / KIRIMAN WANG / GEK-BERPALANG / PESANAN KERAJAAN (L/O) NO. 1007512301 BERNILAI RM 97.20 ATAS NAMA DAWAMA SDN. BHD.					

Hantarkan borang langganan majalah kepada alamat berikut:

UNIT KHIDMAT PELANGGAN DAWAMA SDN. BHD.,
KOMPLEKS DAWAMA, LOT 1037, JALAN AU3/1,
54200 AMPANG/HULU KELANG, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL: 03-41074233, 03-41079037 FAKS: 03-41084235, 03-41061325
Emel: support@dawama.com

Disesuaikan daripada *Dewan Budaya April 2005*

TEKS B

**LAPORAN MINGGU KEBUDAYAAN PERSATUAN BAHASA MELAYU
SEKOLAH MENENGAH SRI PINANG
GEORGETOWN, PULAU PINANG**

Persatuan Bahasa Melayu sekolah ini telah mengadakan Minggu Kebudayaan dari 20 Disember hingga 26 Disember 2005. Aktiviti ini bertujuan memperkenalkan pelbagai aspek kebudayaan Melayu kepada seluruh komuniti sekolah.

- 5 Encik Yusuf bin Adam, selaku pengetua sekolah, telah merasmikan Minggu Kebudayaan tersebut. Beliau memuji dan menyambut baik usaha persatuan tersebut dalam ucapan perasmianya.

- 10 Banyak pertandingan telah disusun sepanjang minggu tersebut. Pada hari Isnin diadakan pertandingan permainan tradisional seperti wau, gasing dan congkak di padang sekolah. Seterusnya, pada hari Rabu pula berlangsung pertandingan fesyen pakaian Melayu di dewan sekolah. Pertandingan fesyen disertai paling ramai peserta. Mereka memperagakan pelbagai pakaian tradisi Melayu dari seluruh Malaysia. Pertandingan fesyen dimenangi oleh Maisara binti Mat Isa bersama kawannya, Roslan bin Awang, dari Tingkatan Lima. Pertandingan memasak pula dijalankan pada hari Jumaat di kantin sekolah. Para pemenang diberikan hadiah dan sijil penyertaan.

- 15 20 Semua aktiviti yang diadakan mendapat sambutan baik daripada pelajar dan guru. Mereka mahu aktiviti ini diteruskan setiap tahun. Tujuan Minggu Kebudayaan tersebut juga tercapai kerana para peserta telah mempelajari pelbagai perkara tentang kebudayaan Melayu melalui semua aktiviti yang diadakan.

Sekian.

Disediakan oleh,

(GHANI BIN ABDULLAH)

Setiausaha,
Persatuan Bahasa Melayu,
Sekolah Menengah Sri Pinang,
Georgetown, Pulau Pinang.

3 JANUARI 2006



TEKS C

PENCEMARAN

Krisis jerebu yang melanda Selangor dan Kuala Lumpur pada bulan Ogos 2005 baru-baru ini, jelas menunjukkan bahawa Malaysia juga tidak bebas daripada masalah pencemaran alam sekitar. Selain masalah jerebu, terdapat juga masalah pencemaran lain di Malaysia. Pencemaran ialah pengurangan kualiti alam sekitar. Pencemaran biasanya boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu pencemaran darat, air dan udara.

Pencemaran darat disebabkan oleh sistem pembuangan sampah-sarap yang buruk. Masyarakat yang tidak bertanggungjawab membuang sampah-sarap di merata-rata tempat. Sampah-sarap seperti tin minuman, botol dan beg plastik, pakaian buruk, sisa makanan dan sebagainya yang dibuang merata-rata termasuk di halaman rumah, longkang dan tepi jalan menyebabkan pencemaran. Selain itu, sisa buangan industri seperti serpihan besi dan keluli serta sisa binaan rumah dan bangunan juga menyebabkan pencemaran darat.

Pencemaran air disebabkan oleh pembuangan sampah-sarap dan sisa kumbahan ke punca air seperti tasik, sungai dan laut. Pembuangan sisa industri bertoksik, tumpahan minyak di laut serta penggunaan racun dan baja dalam sektor pertanian juga menyumbang kepada pencemaran air. Hal tersebut membawa banyak masalah kepada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang sangat memerlukan air untuk hidup.

Punca pencemaran udara pula termasuklah pelepasan asap industri, asap ekzos kenderaan, pembakaran terbuka, kebakaran hutan serta penggunaan racun serangga tertentu.

Pencemaran membawa pelbagai kesan buruk seperti persekitaran yang kotor, air minuman yang tercemar, kemusnahaan habitat dan spesies haiwan serta hujan asid. Pencemaran juga menjejaskan kesihatan dan produktiviti manusia serta sumber ekonomi kita. Oleh itu, setiap anggota masyarakat harus bekerjasama untuk menyelesaikan masalah pencemaran ini.



Disesuaikan daripada Ariffin Yasin *Dewan Pelajar April 2005*

TEKS D

LANGKAWI INDAH...

Ingin melancong...? Datanglah ke Langkawi...! Mengapa Langkawi...?

Pulau Langkawi penuh dengan keindahan alam semulajadi serta legenda masa silam. Pulau ini adalah satu antara destinasi pelancongan yang paling popular di Malaysia.

Pelancong yang meminati cerita-cerita mitos dan legenda, bolehlah melawat tempat-tempat seperti Telaga Tujuh, Tasik Dayang Bunting, Padang Matsirat, Kampung Air Hangat, Makam Mahsuri dan Taman Lagenda.

Seterusnya, Langkawi juga terkenal dengan keindahan pantainya. Bagi yang suka menikmati keindahan matahari terbenam, Pantai Cenang mesti dikunjungi. Selain itu, Pantai Kok, Pantai Tengah dan Tanjung Rhu juga sangat popular dengan pantai yang cantik.

Taman Laut Pulau Payar di selatan Langkawi pula dipenuhi dengan terumbu karang dan pelbagai jenis hidupan laut. Airnya yang jernih dan tenang menjadikan pulau ini sangat popular untuk aktiviti sukan air seperti snorkeling dan selam skuba. Satu lagi tempat menarik untuk menikmati hidupan laut yang menakjubkan ialah ‘Underwater World Langkawi’. Akuarium laut ini mengandungi hampir 5,000 spesies hidupan laut yang boleh dinikmati oleh pengunjung melalui terowong sepanjang 15 meter.

Para pelancong boleh menaiki kapal terbang ke Langkawi dengan kos pengangkutan yang lebih tinggi atau menaiki bot atau feri sahaja yang jauh lebih rendah harga tambangnya. Semua jenis pengangkutan ke Langkawi memberikan potongan harga tambang sebanyak lima puluh peratus kepada pelajar sekolah pada bulan Disember, sempena musim cuti sekolah yang panjang.

Langkawi juga menyediakan penginapan yang sesuai untuk semua golongan pengunjung. Bagi pelancong yang mampu, terdapat hotel berbintang lima bertaraf dunia. Bagi pelancong yang kurang mampu pula, ada rumah-rumah tumpangan atau hostel yang lebih ekonomi.

